

19 JUL 2003

Lim-Gerakan/I

GERAKAN SEDIA MODUL KHAS HADAPI PILIHAN RAYA UMUM

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Gerakan telah menyediakan satu modul khas mengandungi pengurusan organisasi, kempen dan strategi pilihan raya bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang, kata presiden parti Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Beliau berkata langkah Gerakan itu untuk memastikan ia boleh menyumbang sepenuhnya kepada Barisan Nasional dalam memenangi pilihan raya umum dengan cemerlangnya.

Dr Lim berkata modul itu disediakan oleh Akademi SATU -- yang ditubuhkan Januari tahun ini bagi menyediakan anggota parti dengan antara lain latihan dan pengetahuan mengenai sejarah dan perjuangan parti, politik kebangsaan, teknologi maklumat dan komunikasi serta pembangunan sumber manusia.

Dr Lim yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata demikian semasa melancarkan akademi itu di Ibu Pejabat parti di Menara PGRM di sini hari ini.

"Kita percaya kepimpinan tulen merupakan asas kepada keutuhan landasan parti dan kualiti ini boleh dimanfaatkan melalui latihan dan kursus teratur untuk anggota dan bakal pemimpin," kata beliau.

Dr Lim juga berkata parti itu menimbang mewajibkan anggota yang akan berkhidmat sebagai anggota mesyuarat kerajaan negeri atau bertanding pada pilihan raya umum menamatkan kursus modul kerajaan yang ditawarkan akademi itu.

"Persijilan daripada akademi itu akan dijadikan sebahagian daripada proses pemilihan kepimpinan," kata beliau.

Akademi itu telah mengenal pasti tujuh bidang latihan seperti hal ehwal parti, politik, kerajaan, pilihan raya umum, peningkatan diri, teknologi maklumat dan ekonomi serta masyarakat yang setiap bidang mempunyai pelbagai modul.

Menurut Dr Lim, sokongan terhadap daftar pemilih tidak mungkin diperolehi jika sesuatu parti itu tidak dapat menyediakan calon berkebolehan, berpengetahuan dan berkelayakan untuk mewakili kepentingan dan keperluan rakyat.

"Jika mahu membantu orang ramai, anda hendaklah tahu membantu rakyat. Jika tidak tahu anda akan menjadikan nasib seseorang itu lebih teruk.... Apa gunanya ada 15 anggota Parlimen jika tidak tahu apa yang berlaku," kata beliau.

Dr Lim berkata parti itu mewajibkan semua anggota baru mendaftar untuk modul hal ehwal parti kerana ini akan menyenangkan lagi keanggotaannya dalam parti.

Bercakap kepada pemberita, beliau berkata parti itu telah mengkaji kaawsan pilihan raya baru yang diwujudkan berikutan dengan persempadanan semula kawasan pilihan raya dan telah mengenal pasti kawasan pilihan raya yang sesuai untuk ditandingi Gerakan.

Mengenai persidangan perwakilan parti, Dr Lim berkata persidangan itu akan diadakan pada 23 dan 24 Ogos dan dijangka dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga pengerusi Barisan Nasional.

-- BERNAMA

RV AZZ BK RON